



METERAI...Mohd Zohadie (kiri) bertukar dokumen dengan Ahmad Sobri. — Gambar L MANIMARAN

Kerjasama kali kedua UPM, MINT

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) meneruskan kerjasama kali kedua dengan Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) dalam memajukan sains, teknologi dan pengurusan.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata pihaknya mengambil keputusan meneruskan usaha itu selepas melihat pencapaian memberangsangkan selama lima tahun sebelum ini.

Menurutnya, melalui perjanjian pertama pada 1998, kedua-dua pihak berusaha mengadakan pakatan pintar, bagi menghasilkan produk dan teknologi baru yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, disebabkan sesebuah organisasi tidak mampu menyediakan asas pengetahuan yang sangat luas, ia perlu melaksanakan projek pembangunan dan penyelidikan secara usaha sama.

"Oleh itu, dalam perjanjian usaha sama yang

sudah terjalin, MINT menerima ramai pelajar UPM untuk latihan amali dan pegawai MINT juga menjadi penyelia untuk projek siswazah UPM," katanya.

Mohd Zohadie berkata, bagi memperluaskan bidang R&D yang dirancang, kedua-dua pihak bersetuju menyumbang usaha sama untuk tempoh lima tahun lagi.

"Ini perancangan jangka panjang untuk memasukkan perkara penting membabitkan perkembangan semasa seperti memelihara harta intelek," katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) semalam berhubung kerjasama itu di sini, semalam.

MoU ditandatangani Mohd Zohadie dan Ketua Pengarah MINT, Datuk Dr Ahmad Sobri Hashim, disaksikan Timbalan Ketua Pengarah R&D di MINT, Dr Nahrul Khair Alang Md Rashid dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, Dr Mohd Shahwahid Othman.